

# PM persoalkan kenyataan Nik Aziz

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mempersoalkan kenyataan Ketua Dewan Ulama PAS Pusat, Nik Abdul Aziz Nik Mat, bahawa perkataan “Islam” yang ada pada nama parti itu boleh mengingatkan manusia kepada Allah.

“Kalau tidak ada PAS dulu, apakah kita tidak ingat kepada Allah?” tanya Perdana Menteri pada persidangan berita selepas menghadiri hari pertama Perhimpunan Agung Umno di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Dr. Mahathir, yang juga Presiden UMNO, diminta mengulas kenyataan Nik Aziz hari ini yang membantah desakan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO supaya kerajaan melarang Parti Islam SeMalaya (PAS) menggunakan perkataan “Islam” pada nama parti itu.

Nik Aziz, yang juga Menteri Besar Kelantan, berkata PAS akan terus mempertahankan penggunaan perkataan Islam pada nama parti itu dengan apa jua cara yang boleh dan jika perkataan itu hendak dihapuskan juga, tindakan itu menunjukkan UMNO tidak suka mengajak manusia mengingati Allah.

Dr. Mahathir juga ingin tahu sama ada Nik Aziz sendiri tidak mengingati Allah sebelum menganggotai PAS.

“Apakah sebelum ada PAS Nik Aziz tidak ingat kepada Allah. Dia cuma ingat kepada Allah hanya bila dia menjadi ahli PAS. Saya hendak tahulah?” tanya Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata desakan-desakan yang dibuat oleh Pemuda dan Wanita UMNO supaya perkataan “Islam” pada nama PAS digugurkan bukan kerana parti itu merupakan ancaman kepada UMNO.

“Tetapi dia cemar nama baik agama ... Dia (PAS) guna perkataan Islam untuk menipu orang Islam. Dia biasa mendakwa PAS adalah Islam dan Islam adalah PAS,” jelas beliau.

Katanya, ini bermakna cuma di Malaysia sahaja ada orang Islam kerana tidak ada pengikut PAS di negara lain dan ini jelas menunjukkan PAS sanggup menafikan keIslaman orang lain selain anggota partinya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir mengingatkan pemimpin PAS bahawa anggota parti itu hanya beberapa kerat sahaja sedangkan di dalam dunia ini terdapat satu ribu juta orang yang beragama Islam dan mereka tidak menjadi anggota PAS.

“Apakah mereka itu tidak Islam (hanya kerana tidak menjadi anggota PAS)?” tanya Perdana Menteri lagi.

Ketika ditanya mengapa kerajaan tidak menggunakan undang-undang untuk mengarahkan PAS supaya menggugurkan perkataan “Islam”, Dr. Mahathir ber-

kata, ia sukar dilakukan selagi masih ramai rakyat yang belum sedar taktik PAS itu seperti mana mereka mulai sedar penyelewengan yang dilakukan oleh Al Arqam.

“Kita cuma boleh menggunakan undang-undang kalau ia tidak menimbulkan salah faham di kalangan pengikut PAS dan orang Islam lain,” katanya.

Beliau yakin PAS akan menggunakan tindakan kerajaan itu, jika diambil, sebagai isu politik dengan mendakwa bahawa ia cuba menghalang Islam dan bukannya menghalang perbuatan PAS menyalahgunakan Islam.

Katanya, pengalaman menunjukkan betapa rakyat mudah percaya kepada dakwaan PAS itu seperti mana sebelum ini mereka begitu mudah percaya dakwaan bekas pemimpin Arqam, Asaari Mohamad bahawa dia (Asaari) bercakap dengan Nabi Muhammad S.A.W.

## Menyelewengkan

“Kalau kita kata Asaari bohong dia (orang Melayu) tidak percaya kerana dia hendak dengar sendiri daripada orang itu juga,” jelas Perdana Menteri yang yakin keadaan serupa akan berlaku jika kerajaan mengarahkan PAS menggugurkan perkataan “Islam” kerana PAS menyeleweng, orang tidak akan terima selagi pemimpin PAS sendiri tidak mengakuinya.

Dr. Mahathir mengakui sukar untuk memperbetulkan sesuatu penyelewengan yang melibatkan perkara berkaitan agama apatah lagi apabila turut membabitkan sebuah parti politik seperti PAS.

“Kalaupun kita buat dengan ikhlas untuk menyelamatkan atau membersihkan agama, orang akan tuduh, terutama penyokong dan pengikut PAS dan orang luar negeri, kita cuba untuk mendapatkan keuntungan politik bagi diri kita,” katanya.

Perdana Menteri menjelaskan kelulusan penggunaan perkataan “Islam” pada nama PAS tidak membabitkan kerajaan yang diterajui UMNO kerana ia dibuat pada zaman pentadbiran penjajahan British.

Beliau yakin Pendaftar Pertubuhan tidak akan membenarkan penggunaan perkataan itu sekarang jika ada mana-mana parti politik yang ingin berbuat demikian.